



Faculty of Applied and Creative Arts

**STRATEGI MEMPROMOSIKAN BALAI SENI LUKIS SABAH KEPADA
PENGUNJUNG TEMPATAN**

RENNEY AMELY MARTIN

**Bachelor of Applied Arts with Honours
(Arts Management)**

2018

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: STRATEGI MEMPROMOSIKAN BALAI SENI LUKIS SABAH KEPADA
PENGUNJUNG TEMPATAN

SESI PENGAJIAN :2015/2016

Saya: Renney Amely Martin

Mengaku membenarkan tesis/laporan* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik,
Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut :

1. Tesis/Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pendigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. *sila tandakan(/)

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(mengandungi maklumat yang berdjajah keselamatan atau kepentingan termaktub di dalam **AKTA RAHSIA RASMI 1972**)

(mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

Disahkan

Tandatangan Penulis

Tarikh: 8 Jun 2018

Tandatangan Penyelia

Tarikh :

Alamat tetap :

BLOK L-2-1, Kuarters Perguruan Bukit Padang, 88300 Luyang, Kota Kinabalu, Sabah.

Catatan: *Tesis/Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana dan Sarjana Muda

*Jika Tesis/Laporan ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/laporan ini perlu sebagai SULIT atau TERHAD

PENGAKUAN

Projek bertajuk '**STRATEGI MEMPROMOSIKAN BALAI SENI LUKIS SABAH**' telah disediakan oleh **Renney Amely Martin** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(En. Mohd Sharizam Hamzah

Tarikh:

PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan diatas berkat-Nya kerana saya telah berjaya menyiapkan Projek Tahun Akhir ini sebagai satu syarat untuk bergraduat. Saya juga ingin memberi penghargaan kepada keluarga yang banyak menyokong saya dan rakan – rakan yang terlibat secara langsung dalam menyiapkan projek tahun akhir ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Balai Seni Lukis Sabah terutamanya Puan Jennifer dan Cik Eva kerana banyak membantu dan memberikan kerjasama yang penuh. Akhir sekali, saya ingin memberikan penghargaan ikhlas ini kepada penyelia projek tahun akhir saya atas bimbingan penuh dan kata – kata semangat yang diberikan bermula dari awal sehinggalah projek tahun akhir ini disiapkan.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGESAHAN	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	ix
ABSTRAK	x
<i>ABSTRACT</i>	xi

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Persoalan Kajian	7
1.5	Objektif Kajian	8
1.6	Kepentingan Kajian	9
1.7	Skop dan Batasan Kajian	10
1.8	Limitasi Kajian	11
1.9	Kesimpulan	12

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	13
2.1	Buku	14
2.2	Tesis	18
2.3	Jurnal Menerusi Internet	20

2.4	Artikel	22
2.5	Akhbar	24
2.6	Kertas Persidangan	28
2.7	Kesimpulan	30

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	31
3.1	Teknik Pengumpulan Data	32
3.2	Sumber Data	34
3.3	Teori yang Digunakan	39
3.4	Kesimpulan	40

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pengenalan	41
4.1	Apakah Kaedah Promosi yang Digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam Menarik Lebih Ramai Pengunjung?	46
4.2	Adakah Teknik Promosi yang Digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah Berkesan dalam Menarik Lebih Ramai Pengunjung?	49
4.3	Rumusan Kajian	54

BAB 5 CADANGAN DAN RUMUSAN

5.0	Pengenalan	56
5.1	Cadangan	56
5.2	Rumusan	59

RUJUKAN	60
----------------	----

LAMPIRAN

Lampiran A : Gambar Informan	63
------------------------------	----

Lampiran B	: Soalan Temu Bual	64
Lampiran C	: Transkrip Temu Bual	65
Lampiran D	: Borang Soal Selidik	72

SENARAI JADUAL**MUKA SURAT**

Jadual 4.0.1. : Bangsa Responden	43
Jadual 4.0.2. : Pekerjaan Responden	44
Jadual 4.1.1. : Tahap pengetahuan mengenai BSLS	46
Jadual 4.2.1. : Mengenai Soalan C3: Adakah iklan yang dipaparkan mengenai pameran/acara di BSLS memberi kesan kepada diri anda?	52

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

Rajah 4.0.1.	: Jantina Responden	42
Rajah 4.0.2.	: Umur Responden	42
Rajah 4.0.3.	: Pendidikan Responden	44
Rajah 4.0.4.	: Soalan B5 mengenai tarikan pengunjung untuk BSLs	45
Rajah 4.2.1.	: Mengenai soalan C2: Informasi/Maklumat mengenai pameran dan acara dalam iklan yang dipaparkan oleh BSLs adalah jelas dan mudah difahami	53
Rajah 4.2.2.	: Mengenai soalan C5: Adakah anda bersetuju bahawa penggunaan media sosial lebih berkesan dalam mempromosikan pameran/acara di BSLs kepada komuniti?	53

SENARAI GAMBAR**MUKA SURAT**

Gambar 1.2.1.	: Bangunan Balai Seni Lukis Sabah	5
Gambar 4.1.1.	: Facebook <i>page</i> BSLS	47
Gambar 4.1.2.	: Instagram BSLS	48
Gambar 4.1.3.	: Twitter <i>page</i> BSLS	48
Gambar 4.2.1.	: Paparan Iklan di BSLS	49
Gambar 4.2.2.	: Paparan Iklan di BSLS	50
Gambar 4.2.3.	: Komen pengguna untuk menyertai acara di BSLS	50
Gambar 4.2.4.	: Pengunjung menghadiri perasmian pameran di BSLS	51
Gambar 4.2.5.	: Peserta acara Karya Pilihan Tahunan Negeri Sabah ke-32	51

ABSTRAK

Kajian ini mengenai strategi dalam mempromosikan Balai Seni Lukis Sabah kepada pengunjung tempatan di sekitar Kota Kinabalu, Sabah. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak Balai Seni Lukis Sabah dalam memperbaiki kaedah promosi yang digunakan dalam usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung lagi.

ABSTRACT

This research is about the strategy in promoting the Sabah Art Gallery local visitors around Kota Kinabalu, Sabah. The results of this study are expected to assist the Sabah Art Gallery in improving the promotional methods that is used to attract more visitors to come.

Keywords: Strategy, Promotion, Sabah Art Gallery

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN.

Perkembangan seni lukis di Malaysia bermula semasa kedatangan British di Tanah Melayu. Pada awal abad ke – 20, British telah memperkenalkan corak pemerintahan barat dan menggantikan sistem pemerintahan tradisional. Mereka turut memperkenalkan pendidikan barat yang berorientasikan sains dan kemanusiaan bagi menggantikan sistem pendidikan yang berbentuk keagamaan dan mempunyai unsur mistikal. Ini ditegaskan dalam satu kenyataan iaitu, “... pelukis – pelukis tempatan mula menggunakan teknik dan pendekatan yang berasal dari barat, akibat proses pemodenan luas yang digerakkan oleh penjajah British ...” (Balai Seni Lukis Negara, 2000, m.s. 12).

Penubuhan Balai Seni Lukis Negara pada 27 Ogos 1958 selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan menjadi satu perubahan kerana pelukis – pelukis tanah air telah mendapat pengiktirafan dan sokongan penuh daripada pihak kerajaan. Penubuhan Balai Seni Lukis Negara juga telah banyak melahirkan pelukis – pelukis tempatan yang kaya dengan idea – idea baharu yang mencerminkan pelbagai aspek ragam masyarakat majmuk.

Di Sabah, tidak ada rekod mahupun catatan rasmi mengenai perkembangan seni lukis jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Ismail (2005) berhujah, “Perkembangan seni lukis moden di Malaya seperti yang dicatatkan hanya bermula pada tahun 1930 – an dengan munculnya beberapa pelukis cat air di Pulau Pinang seperti Abdullah Ariff dan Yong Mun Seng” (m.s. 2). Kedatangan British yang

memperkenalkan sistem pendidikan barat menjadi salah satu penerak aktiviti seni lukis di Sabah. Penubuhan sekolah - sekolah vernakular telah meningkat sehingga kepada 10 buah sekolah. British telah menghantar guru – guru dari Semenanjung Tanah Melayu yang berkelulusan dari Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) untuk mengajar di sekolah – sekolah yang telah ditubuhkan pada waktu itu.

Pada tahun 1936, subjek kraftangan dan pertukangan telah diperkenalkan. Guru – guru terlatih yang mempunyai kemahiran dan kepakaran dalam bidang tersebut memberi tunjuk ajar mengenai kaedah dan teknik yang lebih tersusun dalam menghasilkan kraf dan pertukangan. Ismail (2005) menegaskan bahawa, “Guru – guru pada masa tersebut menggunakan bakat semula jadi dengan cara melukis sebagai bahan bantu mengajar” (m.s. 5). Kekurangan bahan bantuan mengajar tidak menjadi halangan kepada guru – guru yang berusaha mendidik anak murid mereka kerana menggunakan bakat melukis sebagai kaedah untuk mengajar. Secara tidak langsung, seni lukis perlahan – lahan diserap masuk ke dalam sistem pendidikan formal.

Dari tahun 1940 hingga 1950-an, seni lukis di Sabah mula berkembang selaras dengan perkembangan pendidikan waktu itu. Dakwa Ismail (2005), “Beberapa orang guru telah muncul dan dianggap sebagai penyumbang besar dalam arena seni lukis Sabah” (m.s. 6). Perkembangan ini telah membawa kepada penubuhan *Sabah Art Club* pada tahun 1958 atas inisiatif Mohd Yaman Ahmad Mus bersama seorang guru sukarela dari England, Oliver Beaven. Tambah Ismail (2005), “Penubuhan *Sabah Art Club* ini dapat menarik sebilangan pelajar lain dari sekolah di sekitar Jesselton seperti Sekolah La Salle, Sekolah *Oversea Chinese* Tanjung Aru dan Sekolah Maktab Sabah” (m. s. 27). Kedua, mereka banyak mengadakan aktiviti dalam menghasilkan karya. Ia termasuk bimbingan dan tunjuk ajar dari Mohd Yaman dan Oliver Beaven sendiri

sehingga komuniti bimbingan mereka berjaya menghasilkan satu koleksi untuk dipamerkan. *Sabah Art Club* kemudiannya didaftarkan secara rasminya pada tahun 1960 dan ditukarkan namanya kepada *Sabah Art Society*. Mohd Yaman Ahmad Mus dilantik sebagai presiden yang pertama kelab tersebut. Pada tahun 1970, nama *Sabah Art Society* sekali lagi ditukar kepada Badan Seni Sabah.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.

Idea penubuhan Balai Seni Lukis Sabah bermula apabila Mohd Yaman Ahmad Mus memberikan cadangan kepada Tuan Yang Terutama Mohd Fuad Stephen dan Ketua Menteri Sabah pada ketika itu, Datuk Harris Salleh. Penubuhan ini adalah satu peningkatan dari penjenamaan nama Badan Seni Sabah kepada Balai Seni Lukis Sabah. Pada 12 Febuari 1982, sebuah kertas kerja telah dibentangkan kepada pihak Kerajaan Negeri agar Balai Seni Lukis Sabah ditubuhkan di Kota Kinabalu.

Pada 22 Febuari 1982, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri memberi arahan kepada pihak Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sabah supaya menubuhkan sebuah institusi seni lukis di bawah Jabatan Kebudayaan (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2013). Penubuhan balai seni lukis di Sabah kemudiannya telah diluluskan oleh Jemaah Kabinet Negeri dengan Kertas Kabinet KKBS. S2 / 17 Perkara 4 bertarikh 14 Ogos 1982 diwartakan (Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah, 2013).

Jabatan Balai Seni Lukis Sabah telah memulakan urusan pentadbiran pada 3 Januari 1984 menggunakan sebuah bilik di Kompleks Sukan Likas dengan seramai 3 kakitangan bersama Datuk Mohd Yaman Ahmad Mus yang bertindak selaku Pengarah. Berdasarkan persetujuan Kurator Muzium Negeri Sabah pada 30 Januari 1984, Balai Seni Lukis Sabah kemudiannya ditempatkan di tingkat 1, bangunan Pusat Sains di Muzium Sabah.

Seterusnya, pada 11 April 1984, Balai Seni Lukis Sabah telah mengadakan pameran pertama bersempena dengan pembukaan rasmi bangunan baharu Muzium Negeri Sabah. Sebanyak 163 buah karya yang telah dipamerkan dan kesemua karya – karya tersebut adalah karya pinjaman. Pada 30 April 2012, sebuah bangunan Balai

Seni Lukis Sabah telah siap dibina dan berpindah ke bangunan yang baharu iaitu Pusat Konservasi Balai Seni Lukis Sabah yang terletak bersebelahan dengan Arkib Negeri Sabah.



Gambar 1.2.1. Bangunan Balai Seni Lukis Sabah.

Sumber : Kajian lapangan.

1.3. PERMASALAHAN KAJIAN.

Balai Seni Lukis Sabah menjadi salah satu tarikan utama pengunjung tempatan mahupun antarabangsa. Namun begitu, melalui maklumat awal yang diterima oleh pengkaji, didapati bahawa bilangan pengunjung tempatan ke Balai Seni Lukis Sabah menurun setiap tahun. Menerusi pemerhatian awal, didapati bahawa pameran – pameran tema yang sering diadakan di Balai Seni Lukis Sabah kurang mendapat sambutan. Dipercayai juga, pameran seumpama ini mendapat kurang penghayatan daripada para pengunjung tempatan.

1.4. PERSOALAN KAJIAN.

Selepas melihat kepada permasalahan ini, terdapat persoalan yang timbul.

Berikut adalah persoalan tersebut :

1.4.1. Apakah kaedah yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik pengunjung tempatan?

Pengkaji ingin mengetahui mengenai teknik promosi yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik lebih ramai lagi pengunjung tempatan untuk datang berkunjung. Adakah Balai Seni Lukis Sabah menggunakan teknik *conventional* atau *con – conventional* dalam menarik perhatian pengunjung.

1.4.2. Adakah kaedah promosi yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah berkesan dalam menarik lebih ramai pengunjung tempatan atau tidak?

Selepas mengetahui kaedah promosi yang digunakan, pengkaji ingin menilai tahap keberkesanan teknik promosi yang digunakan dalam menarik perhatian pengunjung untuk mengunjungi Balai Seni Lukis Sabah.

1.5. OBJEKTIF KAJIAN.

Berikut adalah objektif kajian yang ingin dicapai selepas kajian ini dilakukan.

- 1.5.1. Menganalisa kaedah promosi yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik lebih ramai pengunjung tempatan.

Pengkaji ingin menganalisa mengenai teknik – teknik promosi yang digunakan dalam menarik lebih ramai pengunjung tempatan melawat Balai Seni Lukis Sabah. Apakah kaedah terkini atau terbaik yang dilihat efektif dalam mempromosikan Balai Seni Lukis Sabah.

- 1.5.2. Mengenalpasti tahap keberkesanan kaedah promosi yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik pengunjung.

Pengkaji ingin mengenalpasti tahap keberkesanan teknik promosi yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik lebih ramai pengunjung tempatan. Ini penting dalam merangka teknik promosi yang sesuai sekaligus meningkatkan bilangan pengunjung ke Balai Seni Lukis Sabah.

1.6. KEPENTINGAN KAJIAN.

Kajian ini penting dilakukan kerana sebagai satu usaha untuk membantu pihak Balai Seni Lukis Sabah dalam meningkatkan lagi bilangan pengunjung untuk datang ke balai seni tersebut. Seterusnya, kajian ini penting bagi mengenalpasti teknik promosi yang efektif dan sesuai dalam mempromosikan sebarang aktiviti mahupun acara yang dijalankan dalam menarik lebih ramai pengunjung. Kepentingan kajian ini juga dapat dilihat kepada pengkaji akan datang iaitu sebagai sumber rujukan dalam bidang kajian yang sama.

1.7. SKOP DAN BATASAN KAJIAN.

Skop kajian ini berfokus kepada bahagian promosi dan strategi promosi sahaja. Pengkaji ingin mengenalpasti kaedah yang digunakan oleh Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik minat pengunjung. Seterusnya, pengkaji akan membataskan kajian ini kepada bahagian promosi di Balai Seni Lukis Sabah sahaja.

1.8. LIMITASI KAJIAN.

Kajian ini hanya berfokuskan kepada pengunjung tempatan yang datang berkunjung ke Balai Seni Lukis Sabah di Kota Kinabalu. Pengkaji akan menemu bual 2 orang pekerja yang terpilih di Balai Seni Lukis Sabah dan mengedarkan borang soal selidik kepada pengunjung yang datang bagi mendapatkan maklum balas. Selain itu, pengkaji turut berhadapan dengan pelbagai kekangan termasuklah dari segi pengurusan masa dan jarak kerana lokasi kajian ini terletak di negeri Sabah dan keberadaan pengkaji yang berada di Kuching, Sarawak. Justeru, kajian lapangan hanya dapat dijalankan pada cuti semester dan pengkaji harus memanfaatkan tempoh tersebut untuk mengutip data dengan betul dan mendapatkan dapatan kajian dengan jelas.

1.9. KESIMPULAN.

Sebagai kesimpulannya, bab ini menghuraikan latar belakang atau sejarah Balai Seni Lukis Sabah yang bermula sebagai kelab iaitu *Sabah Art Club* yang kemudiannya ditukarkan kepada *Sabah Art Society* dan akhir sekali kepada Badan Seni Sabah. Seperti yang telah dijelaskan, penubuhan Balai Seni Lukis Sabah ini berlaku atas usaha dari 2 tokoh iaitu Allayarham Datuk Mohammad Yaman Hj. Mohd Mus dan Oliver Beaven. Penubuhannya mengambil masa sekitar 22 tahun sehingga Kertas Kabinet KKBS. S2 / 17 Perkara 4 yang bertarikh 14 Ogos 1982 telah diwartakan.

Pada bab ini juga, pengkaji telah menerangkan permasalahan secara andaian serta persoalan yang ingin diketahui oleh pengkaji iaitu mengenai promosi dan strategi promosi yang digunakan oleh pihak Balai Seni Lukis Sabah dalam usaha untuk menarik pengunjung datang melawat. Kajian ini telah memberikan gambaran awal kepada pengkaji mengenai kajian yang bakal dijalankan. Pengkaji menghadkan batas kajian iaitu pengkaji hanya mengkaji kaedah dan teknik promosi yang digunakan oleh pihak Balai Seni Lukis Sabah dalam menarik lebih ramai pengunjung tempatan untuk berkunjung. Dengan menggunakan kaedah yang betul dan tepat, diharap agar pengkaji mampu meneruskan kajian ini tanpa sebarang masalah dan kekangan yang timbul.